



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**  
**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**DI WP KUALA LUMPUR, WP PUTRAJAYA, WP LABUAN, SELANGOR,**  
**MELAKA, JOHOR, PULAU PINANG DAN SABAH**

**SEKTOR PEMBINAAN**

**1. Adakah sektor pembinaan tertakluk di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)?**

Ya, semua aktiviti dan operasi sektor pembinaan di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) adalah tertakluk kepada SOP PKP.

**2. Adakah kerja-kerja pembinaan di negeri terlibat dibenarkan beroperasi sepanjang PKP?**

Kerja-kerja pembinaan di bawah sektor pembinaan perlu diberhentikan sepanjang tempoh PKP.

Pengecualian dibenarkan beroperasi ke atas kerja berikut dan dimasukkan ke dalam Senarai Perkhidmatan Perlu iaitu:

- I. **Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal**, iaitu kerja yang mana jika sekiranya tidak diteruskan boleh mendatangkan mara bahaya atau kemudaratan kepada pekerja, orang awam atau persekitaran.

Antara kerja-kerja yang dibenarkan adalah:

- a) Pembaikan Cerun;
- b) Pembaikan Jalan;
- c) Pembaikan dan Penyelenggaraan Jambatan;
- d) Pembaikan Bangunan Komersial/Pejabat;
- e) Pembaikan kediaman perseorangan;
- f) Kawalan Pengurusan Trafik (Traffic Management Control);
- g) Pemeriksaan berkala dan pembaikan lif/ travelator/ escalator serta lain-lain peralatan mekanikal dan elektrik yang kritikal;
- h) Pembaikan, penyelenggaraan dan naik taraf fasiliti di premis-premis perkhidmatan kritikal;
- i) Pembaikan traffic light;
- j) Pembinaan *Bailey Bridge* di lokasi jambatan roboh;
- k) Kerja-kerja pembinaan Terowong (*Tunneling*);
- l) Kerja-kerja kecemasan yang termaktub dalam perjanjian kontrak;

- m) Kerja-kerja penyelenggaraan, pembersihan dan pengeringan air bertakung, penyemburan racun serangga di tapak bina bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes dan lain-lain haiwan perosak;
- n) Kerja-kerja lain yang jika tidak disempurnakan boleh mendatangkan bahaya;
- o) Pembaikan dan penyelenggaraan landasan keretapi seperti MRT, LRT, Komuter dan sebagainya.

II. **Kerja-kerja Pembinaan Infrastruktur Awam Utama;** kerja-kerja ini banyak menggunakan jentera atau tidak melibatkan ramai pekerja berkumpul di satu tempat atau jauh dari orang awam atau lokasi tapak bina di kawasan yang terpencil.

Antara kerja-kerja yang dibenarkan adalah:

- a) Lebuhraya dan Jalan raya
- b) Jambatan dan Viaduct
- c) Landasan Kereta Api termasuk MRT, LRT, Komuter, *Single/double Track*;
- d) Infrastruktur berkaitan elektrik
- e) Infrastruktur berkaitan telekomunikasi
- f) Infrastruktur berkaitan empangan, saluran dan pembentungan
- g) Infrastruktur berkaitan minyak dan gas

III. **Kerja-kerja Pembinaan Bangunan;** dibenarkan untuk projek yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ) dan majikan perlu menyediakan pengangkutan pekerja dari CLQ ke tapak bina dan balik ke CLQ. Kedua-dua penginapan di tapak bina dan CLQ perlu mematuhi Akta 446 (Akta Standard Minimum, Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990).

IV. **Perkhidmatan Profesional/ Perunding** hanya boleh dilaksanakan bagi kerja-kerja yang dibenarkan beroperasi seperti yang tersenarai di Item I-III. Pihak Profesional/ Perunding bertanggungjawab mematuhi sepenuhnya SOP yang ditetapkan. Perkhidmatan Profesional/ Perunding perlu memastikan tenaga kerja yang minima dan hanya melaksanakan tugas yang dianggap kritikal ketika berurusan di tapak bina.

V. **Perkhidmatan lain di dalam rantai bekalan** seperti bekalan bahan binaan, penghantaran bahan dan sebagainya dibenarkan tetapi terhad kepada tapak bina yang diluluskan beroperasi berdasarkan kepada kerja-kerja yang tersenarai di Item I-III. Semua pihak yang terlibat dalam rantai bekalan adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam mematuhi SOP yang ditetapkan seperti memastikan pengangkutan yang digunakan dan bahan yang dihantar telah disanitasi, merekodkan suhu ketika masuk tapak dan merekodkan pergerakan keluar masuk tapak.

### 3. **Bagaimanakah permohonan untuk mendapatkan kelulusan kerja-kerja pembinaan sepanjang tempoh PKP?**

Semua kebenaran beroperasi perlu diperolehi dari pihak MITI. Permohonan bagi kebenaran beroperasi tersebut hendaklah dibuat melalui portal CIMS MITI (*COVID-19 Intelligent Management System*).

**4. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh kontraktor di tapak bina?**

Kontraktor dikehendaki menyediakan dan menyimpan dokumen berikut di tapak bina/ premis untuk disemak oleh pihak yang diberi kuasa:

- a) Nama dan nilai projek
- b) Lokasi projek (koordinat GPS)
- c) Butiran pegawai yang dipertanggungjawabkan
  - i. Pengarah Syarikat yang dipertanggungjawabkan
  - ii. Pegawai penguasa Projek
  - iii. Ketua Penyelaras
  - iv. Pengurusan CLQ (Jika berkaitan)
- d) Jadual Pelaksanaan Projek
- e) Bilangan dan senarai pekerja kontraktor/ syarikat utama mengikut tred yang terlibat.
- f) Bilangan dan senarai subkontraktor serta pekerja mengikut tred yang terlibat (jika berkaitan)
- g) Senarai pembekal bahan binaan dan bahan yang akan digunakan (jika berkaitan).
- h) Senarai pembekal jentera berat, nama operator, lesen dan jentera yang akan digunakan (jika berkaitan)
- i) Senarai perunding dan pekerja yang terlibat (jika berkaitan)
- j) Rekod pergerakan pekerja dan saringan gejala/ kesihatan pekerja, kebersihan dan pengurusan tapak bina/ primes
- k) Ikrar Akujanji CIDB

**5. Adakah sebarang had waktu operasi yang dikenakan untuk kerja-kerja di tapak pembinaan?**

Majikan perlu mematuhi peraturan waktu operasi yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Had operasi adalah mengikut waktu bekerja biasa.

**6. Adakah pekerja binaan dibenarkan berpindah dari satu tapak bina ke satu tapak yang lain?**

Tidak dibenarkan.

**7. Dokumen apakah yang diperlukan oleh pekerja binaan untuk sebarang pergerakan pekerja?**

Pekerja hendaklah membawa pas pekerja yang sah atau surat kebenaran majikan dan surat kelulusan beroperasi CIMS MITI.

**8. Apakah peranan kontraktor bagi pengawalan pekerja binaan di tapak bina?**

Kontraktor perlu mengawal pergerakan keluar masuk pekerja binaan. Pihak kontraktor perlu memastikan pekerja yang ditempatkan di tapak bina tidak bergaul dengan penduduk setempat bagi mengawal pandemik COVID-19 dari merebak. Kontraktor juga perlu memastikan semua keperluan harian pekerja di tapak bina seperti makanan disediakan sepenuhnya.

**9. Adakah kenderaan yang membawa pekerja ke tapak bina dibenarkan untuk beroperasi?**

Kontraktor perlu menyediakan pengangkutan untuk pekerja dan pengangkutan yang disediakan terhad dari CLQ ke tapak bina dan balik ke CLQ tanpa singgah/ pergi ke lain-lain tempat. Kontraktor juga perlu menghadkan pergerakan keluar masuk pekerja di CLQ dan memastikan semua keperluan harian pekerja di CLQ disediakan sepenuhnya.

**10. Siapakah yang perlu bertanggungjawab memastikan pematuhan SOP di tapak pembinaan sepanjang tempoh PKP?**

Pegawai Penguasa Projek bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan SOP sepenuhnya serta mengawal pergerakan keluar dan masuk di tapak bina sepanjang tempoh PKP.

**11. Apakah jenis ujian yang diterima untuk pengesanan COVID-19?**

Terdapat dua (2) jenis ujian yang diterima untuk saringan COVID-19 iaitu:

- RT-PCR (*Rapid Test Polymerase Chain Reaction*)
- RTK Antigen (*Rapid Test Kit*)

KKM telah bersetuju ujian saringan RTK Antigen boleh digunakan berbanding RT-PCR sebagai saringan COVID-19.

**12. Adakah saringan COVID-19 diwajibkan untuk pekerja di tapak pembinaan?**

Saringan COVID-19 diwajibkan kepada semua pekerja asing.

**13. Adakah perlu buat ujian saringan RTK Antigen COVID-19 sekiranya pernah membuat ujian saringan RT-PCR COVID-19?**

Pekerja asing yang pernah menjalani ujian saringan RT-PCR perlu menjalani ujian saringan RTK Antigen semula.

**14. Berapa kerapkah ujian saringan RTK Antigen perlu dibuat?**

Buat masa ini kekerapan ujian saringan RTK Antigen belum lagi ditetapkan.

**15. Siapakah yang akan menanggung kos ujian saringan RTK Antigen?**

Bagi pencazum PERKESO, majikan hanya perlu membiayai kos perkhidmatan yang dikenakan oleh klinik kerana kit ujian RTK Antigen telah dibekalkan oleh PERKESO kepada klinik panel.

Bagi pekerja asing yang bukan pencazum PERKESO, kos saringan perlu ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan.

**16. Siapakah yang boleh dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut?**

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi CIDB Careline 03-5567-3300.

**Catatan:**

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemic COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN KERJA RAYA  
14 Januari 2021**